

*KAJIAN PEMBANGUNAN  
DAERAH KUANTAN:  
SATU ANALISA TERKINI*

disediakan oleh

ABD. AZIZ NGAH

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada  
Kajian Pentadbiran Dan Undang-Undang  
Institut Teknologi MARA Shah Alam, Selangor  
Sebagai Sebahagian Syarat Memperolehi  
Diploma Pentadbiran Awam

## **PENGHARGAAN**

**Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang ...**

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah membantu dan memberikan kerjasama dalam merealisasikan **Kajian Pembangunan Daerah Kuantan** ini.

Terima Kasih, terutamanya, kepada :

**1. En. HasJim Ahmad @ Mohammad**

**Penyelia Kertas Projek : Kajian Pembangunan Daerah Kuantan  
Pensyarah Diploma Pentadbiran Awam  
Institut Teknologi MARA Shah Alam**

**2. En. Ibni Radzuan**

**Ketua Kursus Diploma Pentadbiran Awam  
Institut Teknologi MARA Shah Alam**

**3. Cik Hamiza Hamzah**

**Pemangku Pegawai Perancang Bandar  
Majlis Perbandaran Kuantan**

**4. Cik Noorshida Muhamad**

**Penolong Pegawai Perancang Bandar  
Majlis Perbandaran Kuantan**

**5. En. Mohd Razif bin Abdul Malek**

**Penolong Pegawai Pentadbiran  
Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang**

**6. En. Baharom Don**

**Penolong Pegawai Perancangan  
Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang**

## **ISI KANDUNGAN**

*muka surat*

|                       |             |
|-----------------------|-------------|
| <i>Penghargaan</i>    | <i>i</i>    |
| <i>Isi Kandungan</i>  | <i>iii</i>  |
| <i>Abstrak</i>        | <i>ix</i>   |
| <i>Senarai Jadual</i> | <i>xiii</i> |
| <i>Senarai Pelan</i>  | <i>xiv</i>  |

## **BAB 1**

### **MALAYSIA DAN PEMBANGUNAN** **1-4**

- 1.1 Wawasan 2020*
- 1.2 Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua*
- 1.3 Rancangan Malaysia Keenam*

## **BAB 2**

### **PEMBANGUNAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR** **4-8**

## **BAB 3**

### **KUANTAN DALAM SEJARAH** **9-22**

- 3.1 Pendahuluan*
- 3.2 Sejarah Pembukaan Kuantan*
- 3.3 Pembangunan Awal Kuantan*
  - 3.3.1 Pusat Pengeluaran dan Pengumpulan Hasil*
    - Bijih Timah*
  - 3.3.2 Perubahan Dasar-Dasar Pentadbiran*
  - 3.3.3 Sistem Perhubungan dan Pengangkutan*
  - 3.3.4 Kemudahan Pendidikan*

## ABSTRAK

*Institut Teknologi MARA* atau ITM telah ditubuhkan dalam tahun 1969 dengan nama Maktab Latihan RiDA. Pada ketika itu, ia adalah sebuah institusi pengajian yang kecil dan kurang dikenali. Dari setahun ke setahun ITM terus berkembang dan dikenali sebagai satu-satunya institusi pengajian tinggi yang membenarkan hanya kaum Melayu dan Bumiputera sahaja memasukinya. Pada hari ini, ITM semakin maju dan terkenal. ITM kini mempunyai lebih kurang 20 ribu orang pelajar yang mengikuti sebanyak 72 kursus di bawah pentadbiran 12 buah kajian. Salah satu kursus yang ditawarkan di ITM ialah kursus Diploma Pentadbiran Awam atau DPA.

Kursus *Diploma Pentadbiran Awam* atau DPA diletakkan bersama-sama dengan kursus *Diploma Undang-Undang*, *Diploma Lanjutan Undang-Undang* dan *Diploma Lanjutan Pentadbiran Korporat* di bawah Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang. Kursus DPA memakan masa selama 3 tahun dengan 6 semester. Pada semester yang terakhir, setiap pelajar DPA dikehendaki menyiapkan satu Kertas Projek sebagai syarat menerima *Diploma Pentadbiran Awam*.

## MALAYSIA DAN PEMBANGUNAN

Ekonomi Malaysia telah berkembang dengan pesatnya sepanjang tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) walaupun telah menghadapi berbagai-bagai cabaran sama ada dari dalam atau luar negara. Kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi bersama-sama dengan kemajuan dalam penyusunan semula masyarakat telah memperkukuhkan lagi asas negara untuk membangun secara berterusan dan memantapkan lagi perpaduan negara. Hasilnya, masalah kemiskinan, pengangguran dan ketidakseimbangan ekonomi telah terkawal berbanding dengan kedudukan di masa-masa yang lampau.

Lanjutan daripada itu, Kerajaan telah menggariskan beberapa strategi dalam membangunkan Malaysia dari berbagai aspek melalui pelancaran :

- i. Wawasan 2020
- ii. Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2)
- iii. Rancangan Malaysia Keenam (RM6)